

**GARISPANDUAN RAYUAN YANG DIKENDALIKAN OLEH  
BAHAGIAN PENGUATKUASAAN,  
IBU PEJABAT JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

**1. PENDAHULUAN**

- 1.1 Terdapat tiga kategori rayuan yang diperuntukkan di bawah undang-undang utama tadbiran Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan dikendalikan oleh Bahagian Penguatkuasaan, Ibu Pejabat JKDM.
- 1.2 Tiga kategori rayuan terlibat adalah rayuan kepada Tribunal Rayuan Kastam (TRK), rayuan kepada menteri dan rayuan kepada Ketua Pengarah Kastam (KPK).
- 1.3 Setiap rayuan adalah tertakluk kepada prosedur yang berbeza selaras dengan peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan.

**2. KATEGORI RAYUAN**

**2.1 Rayuan ke TRK.**

- (1) Undang-undang memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang tidak berpuashati/terkilan dengan apa-apa keputusan KPK, kecuali berhubung kompaun dan s.128(3) Akta Kastam 1967, s.55(3) Akta Cukai Jualan 1972 serta s.67(3) Akta Eksais 1975, boleh membuat rayuan kepada TRK.
- (2) Berdasarkan kepada itu, TRK tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar sesuatu rayuan yang melibatkan:
  - (i) Keputusan yang telah dibuat oleh Menteri Kewangan.
  - (ii) Keputusan yang dipertikaikan bukan keputusan KPK.
  - (iii) Keputusan berhubung kompaun.
  - (iv) Keputusan berhubung dengan barang sitaan/hasil jualan barang tersebut, sama ada dilepaskan atau dirujuk ke mahkamah untuk inkir (s.128(3) Akta Kastam 1967, s.55(3) Akta Cukai Jualan 1972 dan s.67(3) Akta Eksais 1975).
  - (v) Isu yang dirayu telah difaiklan di mana-mana mahkamah dan masih belum mendapat keputusan.
  - (vi) Isu yang dirayu telah diputuskan oleh mana-mana mahkamah.

- (3) Bagi maksud rayuan ke TRK, keputusan KPK ertinya keputusan yang dibuat peringkat Ibu Pejabat oleh KPK sendiri atau oleh mana-mana Pegawai Kastam Yang Hak bagi pihak KPK. Dalam hal ini, semua keputusan yang dibuat di peringkat negeri tidak dianggap sebagai keputusan KPK.
- (4) Untuk mengelak pertindihan bidang kuasa rayuan antara Menteri Kewangan dan TRK, Kementerian Kewangan (MOF) telah menetapkan bidang tugas masing-masing seperti yang dimuatnaik dalam laman web [www.treasury.gov.my](http://www.treasury.gov.my).
- (5) Prosiding pendengaran TRK adalah tidak terlalu formal sebagaimana prosiding yang dijalankan di mahkamah bertujuan untuk mempercepatkan keputusan dan mengurangkan kos serta menjimatkan masa.

## 2.2 Rayuan kepada menteri.

- (1) Rayuan kepada menteri boleh dibahagikan kepada dua kategori:
  - (i) Rayuan kepada Menteri Kewangan.
    - (a) Rayuan untuk mendapatkan semula barang, wang jaminan atau wang hasil jualan yang telah dilucuthak di bawah s.129 Akta Kastam 1967, s.56 Akta Cukai Jualan 1972, s.68 Akta Eksais 1976 dan s.41 Akta Zon Bebas 1990 (AZB).
    - (b) Rayuan ke atas keputusan kes Bahagian Penguatkuasaan yang dibuat oleh KPK atau mana-mana Pegawai Kastam Yang Hak, yang mana TRK tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar seperti rayuan remisi di bawah s.14A Akta Kastam 1967, s.22 Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dan s.33 Akta Cukai Jualan 1972.
  - (ii) Rayuan kepada Menteri Kesihatan.

Rayuan untuk mendapatkan semula barang lucuthak di bawah s.30A Akta Dadah Berbahaya 1952.

- (2) Jika mana-mana orang tidak berpuashati dengan keputusan menteri, rayuan boleh dibuat kepada Mahkamah Tinggi.

## 2.3 Rayuan kepada KPK.

Mana-mana orang yang berkenaan boleh membuat rayuan kepada KPK di bawah s.69(3) Akta Eksais 1976 untuk mendapatkan semula barang yang telah dilucuthak setelah kompaun dijelaskan.

### **3. TATACARA PELAKSANAAN**

#### **3.1 Rayuan TRK.**

##### **(1) Prosiding di TRK.**

- (i) Prosiding di TRK adalah melibatkan dua pihak iaitu perayu dan responden.
- (ii) S.141Q Akta Kastam 1967 mensyaratkan perayu tidak dibenarkan diwakili oleh peguambela dan peguamcara dalam prosiding di TRK. Perayu hanya boleh diwakili oleh pegawai-pegawai syarikat yang diberi kuasa ataupun mana-mana orang yang dilantik oleh perayu.
- (iii) Bagi pihak responden, ianya diwakili oleh pegawai kanan kastam yang diberi kuasa dari semasa ke semasa.
- (iv) S.141J Akta Kastam 1967 menetapkan pendengaran rayuan akan didengar bersendirian (*sitting alone*) oleh:
  - (a) Pengerusi TRK; atau
  - (b) Timbalan Pengerusi TRK; atau
  - (c) Mana-mana ahli TRK yang ditentukan oleh Pengerusi TRK.
- (v) Sesuatu rayuan itu boleh didengar oleh panel yang terdiri dari 3 ahli sekiranya perayu membuat permohonan kepada Pengerusi TRK di bawah s.141K Akta Kastam 1967.
- (vi) Prosiding di TRK dibuat secara tertutup melainkan dipersetujui oleh pihak-pihak yang terlibat.

##### **(2) Tempat pendengaran.**

- (i) Pada kebiasaannya, rayuan akan didengar di pejabat TRK, Kompleks MOF, Putrajaya.
- (ii) Walaubagaimanapun, TRK boleh menetapkan untuk mendengar rayuan di luar pejabat TRK, Putrajaya iaitu di tempat berdekatan dengan pejabat/premis perayu.

##### **(3) Proses pemfailan rayuan.**

- (i) Notis Rayuan (Borang A) Peraturan-Peraturan Kastam (Tribunal Rayuan) 2007 hendaklah difailkan oleh perayu di pejabat TRK.

- (ii) Rayuan hendaklah difailkan dalam tempoh 30 hari selepas keputusan yang dipertikaikan dibuat (s.143 Akta Kastam 1967, s.47 Akta Eksais 1976, s.68(2) Akta Cukai Jualan 1972 dan s.50(2) Akta Cukai Perkhidmatan 1975). Permohonan perlanjutan masa hendaklah dibuat oleh perayu sekiranya pemfailan dibuat selepas tempoh tersebut.
- (iii) TRK akan menyerahkan sesalinan Borang A yang difailkan oleh perayu dan telah dimeterai serta surat pemberitahuan tarikh sebutan rayuan kepada kedua-dua belah pihak.

(4) Proses pendengaran.

- (i) Sebutan
- (ii) Pendengaran
- (iii) Penghujahan
- (iv) Keputusan

(5) Rundingan penyelesaian.

- (i) Rundingan penyelesaian boleh dimulakan oleh mana-mana pihak yang terlibat pada bila-bila masa bermula dari tarikh pemfailan rayuan sehingga sebelum keputusan dibuat oleh TRK dengan menghubungi pihak yang satu lagi bagi mencadang dan menetapkan tarikh rundingan.
- (ii) Rundingan penyelesaian hendaklah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak, sama ada dengan atau tanpa bantuan TRK.
- (iii) TRK akan melulus dan merekod penyelesaian tersebut dalam Keputusan Dengan Persetujuan (Borang H) Peraturan-Peraturan Kastam (Tribunal Rayuan) 2007.
- (iv) Jika rundingan gagal mencapai apa-apa penyelesaian, prosiding rayuan akan diteruskan.
- (v) Sekiranya rundingan penyelesaian tidak dapat diselesaikan sebelum tarikh prosiding yang ditetapkan, mana-mana pihak yang terlibat setelah mendapat keizinan pihak yang satu lagi boleh memohon kepada TRK untuk penangguhan.

(6) Keputusan TRK.

- (i) S. 141T Akta Kastam 1967 memperuntukkan kuasa kepada TRK untuk:

- (a) Mengesahkan keputusan KPK;
  - (b) Mengubah keputusan KPK; atau
  - (c) Mengetepikan keputusan KPK dan menggantikannya dengan keputusan yang baru.
- (ii) Keputusan Tribunal adalah muktamad dan mengikat semua pihak dalam prosiding dan dianggap sebagai keputusan Mahkamah Sesyen. (s. 141V Akta Kastam 1967)
  - (iii) Mana-mana pihak yang tidak berpuashati dengan keputusan TRK boleh memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi.

**3.2 Rayuan kepada Menteri Kewangan untuk mendapatkan semula barang, wang jaminan atau wang hasil jualan yang telah dilucutahak di bawah s.129 Akta Kastam 1967, s.56 Akta Cukai Jualan 1972, s.68 Akta Eksais 1976 dan s.41 Akta Zon Bebas 1990.**

- (1) Sesuatu barang yang telah disita kerana disyaki terlibat di dalam perlanggaran undang-undang di bawah Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Eksais 1975 dan Akta Zon Bebas 1990 boleh dilucutahak kepada JKDM melalui 3 tindakan berikut:
  - (i) Tiada tuntutan diterima di dalam tempoh satu bulan dari tarikh Notis Sitaan dikeluarkan;
  - (ii) Setelah kompaun dibayar. (Jika sekiranya barang tersebut tertakluk kepada lesen/AP di mana lesen/AP tidak dapat dikemukakan dalam tempoh 30 hari dari tarikh kompaun dibayar); atau
  - (iii) Melalui perintah mahkamah.
- (2) Pemilik barang atau orang lain yang berhak keatasnya, yang berhasrat untuk mendapatkan semula barang tersebut, hendaklah membuat rayuan secara bertulis kepada Menteri Kewangan melalui Ketua Pengarah Kastam dalam tempoh satu bulan kalender dari tarikh perlucutanhaknya.
- (3) Jika sekiranya rayuan tersebut diluluskan, Menteri Kewangan boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat.
- (4) Bahagian Penguatkuasaan, Ibu Pejabat JKDM akan memaklumkan secara bertulis keputusan rayuan kepada perayu.

**3.3 Rayuan kepada Menteri Kewangan ke atas keputusan kes Bahagian Penguatkuasaan yang dibuat oleh KPK atau mana-mana Pegawai Kastam Yang Hak, yang mana TRK tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar seperti rayuan remisi di bawah s.14A Akta Kastam 1967, s.22 Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dan s.33 Akta Cukai Jualan 1972**

- (1) Rayuan secara bertulis hendaklah dikemukakan kepada Menteri Kewangan dengan disalinkan kepada KPK dengan menyatakan jenis rayuan yang dipohon seperti rayuan remisi ataupun pengecualian cukai.
- (2) Keputusan ke atas sesuatu rayuan itu akan dibuat oleh Menteri Kewangan setelah mendapat ulasan dan pengesyoran/perakuan dari jabatan ini.
- (3) Kementerian Kewangan akan memaklumkan secara bertulis keputusan rayuan terus kepada perayu.

**3.4 Rayuan kepada Menteri Kesihatan untuk mendapatkan semula barang lucuthak di bawah s.30A Akta Dadah Berbahaya 1952**

- (1) Pemilik atau orang lain yang berhak ke atas sesuatu barang yang telah disita dan dilucuthak kepada JKDM di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952, boleh mendapatkannya semula dengan mengemukakan rayuan secara bertulis kepada Menteri Kesihatan dalam tempoh satu bulan kalendar dari tarikh perlucutanhaknya.
- (2) Jika sekiranya rayuan tersebut diluluskan, Menteri Kesihatan boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat.
- (3) Bahagian Penguatkuasaan, Ibu Pejabat JKDM akan memaklumkan secara bertulis keputusan rayuan kepada perayu.

**3.5 Rayuan kepada KPK di bawah s.69(3) Akta Eksais 1976 untuk mendapatkan semula barang yang telah dilucuthak**

- (1) Pemilik atau orang lain yang berhak ke atas sesuatu barang yang telah disita dan dilucuthak kepada JKDM setelah kompaun dibayar di bawah Akta Eksais 1976, boleh mendapatkannya semula dengan mengemukakan rayuan secara bertulis kepada KPK.
- (2) Jika sekiranya rayuan tersebut diluluskan, KPK boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat.
- (3) Bahagian Penguatkuasaan, Ibu Pejabat JKDM akan memaklumkan secara bertulis keputusan rayuan kepada perayu.